

Topik 4: Empat binatang yang dilihat oleh Daniel

Hari penghakiman diterangkan dalam nubuatan nabi Daniel. Dan, sementra perkara ini menarik perhatian kita, ada lagi perkara menarik yang lain yang terdapat di dalam nubuatan sebelum itu. Ia boleh didapati dalam nubuatan Daniel pada seksyen yang ketujuh.

Pertama, nubuatan akan menerangkan kepada kita mengenai beberapa perkara yang akan datang selepas zaman Daniel yang berlaku sebelum penghakiman untuk orang Melayu tiba. Ini termasuklah kebangkitan dan kejatuhan beberapa empayar.

Dalam bab ini, binatang melambangkan empayar. Binatang pertama kelihatan seperti singa, yang kedua pula seperti beruang, dan yang ketiga seperti harimau bintang berkepala empat.

Yang pertama rupanya seperti seekor singa, dan mempunyai sayap burung rajawali; aku terus melihatnya sampai sayapnya tercabut dan ia terangkat dari tanah dan ditegakkan pada dua kaki seperti manusia, dan kepadanya diberikan hati manusia. Dan tampak ada seekor binatang yang lain, yang kedua, rupanya seperti beruang; ia berdiri pada sisinya yang sebelah, dan tiga tulang rusuk masih ada di dalam mulutnya di antara giginya. Dan demikianlah dikatakan kepadanya: Ayo, makanlah daging banyak-banyak. Kemudian aku melihat, tampak seekor binatang yang lain, rupanya seperti harimau bintang; ada empat sayap burung pada punggungnya, lagipula binatang itu berkepala empat, dan kepadanya diberikan kekuasaan.
(Daniel 7:4-7)

Kerajaan apakah yang melambangkan binatang ini? Kita tidak perlu meneka. Malaikat telah memberi penjelasan kepada Daniel. Dan apabila malaikat itu memberi penjelasan, dia mula memberi penjelasan dari binatang yang ke-empat yang belum lagi diterangkan. Ia kelihatan sangat menakutkan.

Four Beasts in Daniel 7



1

- Like a Lion
- With eagle's wings
- Wings plucked later
- Lifted up from earth
- Man's heart given



2

- Like a Bear
- Raised up on its side
- Had 3 ribs in its mouth
- Was told to arise and devour much flesh



3

- Like a Leopard
- With 4 fowl's wings
- Had 4 heads
- Given dominion



4

- Exceedingly dreadful, terrible beast
- Iron teeth, brass nails
- Had 10 horns
- A little horn, which plucked 3 horns

© The Knowledge Of The Truth

Illustration about Daniel 7

Kemudian aku melihat dalam penglihatan malam itu, tampak seekor binatang yang keempat, yang menakutkan dan mendahsyatkan, dan ia sangat kuat. Ia bergigi besar dari besi; ia melahap dan meremukkan, dan sisanya diinjak-injaknya dengan kakinya; ia berbeda dengan segala binatang yang terdahulu; lagipula ia bertanduk sepuluh. (Daniel 7:7)

Malaikat itu menerangkan bahawa binatang ke- empat yang kelihatan seperti naga itu melambangkan kerajaan yang ke- empat, dan tiga binatang sebelum itu melambangkan Babylon, Persia, dan Grecia (Yunani).

Maka demikianlah katanya: Binatang yang keempat itu ialah kerajaan yang keempat yang akan ada di bumi, yang akan berbeda dengan segala kerajaan dan akan menelan seluruh bumi, menginjak-injaknya dan meremukkannya. (Daniel 7:23)

Ingatkah kamu akan binatang yang ke- empat yang mempunyai sepuluh tanduk?

Binatang itu bukan sahaja mempunyai sepuluh tanduk pada mulanya, tetapi yang ke- sebelas tanduk tumbuh membesar dan tiga daripadanya dicabut.

Sementara aku memperhatikan tanduk-tanduk itu, tampak tumbuh di antaranya suatu tanduk lain yang kecil, sehingga tiga dari tanduk-tanduk yang dahulu itu tercabut; dan pada tanduk itu tampak ada mata seperti mata manusia dan mulut yang menyombong. (Daniel 7:8)

Sepuluh tanduk itu melambangkan kuasa Eropah yang bangkit dari kejatuhan mereka dari kuasa Roma Barat . Mereka menjadi kuasa penjajah yang terkenal yang menguasai hampir

seluruh dunia. Contohnya, Tanah Melayu dikuasai oleh orang Portugis, British dan Inggeris. Pada suatu ketika, mereka juga dikuasai oleh Jepun, iaitu sekutu Jerman yang kejam.

Tetapi bagaimanakah pula dengan tiga tanduk yang dicabut oleh tanduk kecil yang tumbuh terakhir? Dan kuasa apakah yang mewakili tanduk yang ke- sebelas? Sejarah menjawabnya dengan tepat. Kerajaan yang bangkit untuk berkuasa selepas sepuluh kerajaan itu, dan itu dilambangkan dengan “tanduk” kecil, adalah kerajaan Roman Katolik. Kerajaan apakah yang dipanggil yang mempunyai paus dan bukan raja sebagai ketua? Kita boleh memanggilnya sebagai “kepausan”. Dan kepausan bekerja dan memusnahkan tiga kerajaan Eropah dalam tahun sebelum kebangkitan Islam (Mereka adalah Vandal, Ostrogoths dan Heruli. Kita akan mempelajari lebih banyak lagi mengenai mereka pada artikel yang seterusnya.)

Kita mengetahui bahawa tanduk kecil adalah kepausan bukan hanya kerana ia adalah namanya sendiri, bukan hanya kerana dia mencabut tiga kerajaan yang lain, tetapi kerana ia adalah kerajaan keagamaan, yang menghujat Allah dan menganiaya umat Allah. Menariknya disini, nabi Daniel juga mengetahui berapa lama kepausan akan memerintah.

Ia akan mengucapkan perkataan yang menentang Yang Mahatinggi, dan akan menganiaya orang-orang kudus milik Yang Mahatinggi; ia berusaha untuk mengubah waktu dan hukum, dan mereka akan diserahkan ke dalam tangannya selama satu masa dan dua masa dan setengah masa. (Daniel 7:25)

Muslim dengan jelas dapat mengingati kuasa kejahatan mereka semasa mereka melakukan perang salib dimana mereka membunuh ribuan muslim sebelum keluar dari Timur Tengah. Apa yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang melayu adalah kuasa inilah yang membunuh ribuan penganut agama Hindu di India dan pengikut Yesus di Eropah.

Berapa lamakah dia diberikan kuasa untuk melakukan kejahatan ini? Ungkapan “masa, masa dan setengah masa” bermaksud 1260 hari. Seperti binatang di dalam nubuatan melambangkan negara, begitu juga dengan hari di dalam nubuatan ini melambangkan tahun. (Musa dan Ezekial [Dhū l-Kifl] juga menggunakan cara yang sama dimana mereka menggunakan satu hari bersamaan dengan setahun.)

Sejarah membuktikan kebenaran ramalan itu. Kepausan itu telah mendapat kuasa ke atas kota Roma pada 538 AD dan kehilangan kuasa ke atas kota itu apabila paus dipenjarakan oleh askar Francis pada tahun 1798. Jadi berapa lamakah kepausan berkuasa atas pengikutnya? 1260 tahun.

Mungkin anda sedar bahawa kesemua empat empayar ini iaitu Babilon, Persia, Grecia dan Roma adalah negara yang dilihat oleh raja Nebukadnezar dalam mimpinya akan patung besi itu.

Dalam Daniel 7, sebelum kepausan memulakan pekerjaan jahat mereka, ada gambaran penghakiman di syurga. Kita akan lihat dimana penghakiman di syurga berlaku pada siri yang seterusnya.